

REPRESENTASI FITUR SEGMENT KONSONAN BAHASA KERINCI BERDASARKAN TEORI FONOLOGI AUTOSEGMENTAL

NUR FARAHKHANNA MOHD RUSLI*
Universiti Pendidikan Sultan Idris
farahkhannamohdrusli@gmail.com

ADI YASRAN ABDUL AZIZ
Universiti Putra Malaysia
adi@upm.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menjelaskan representasi fitur segmen konsonan bahasa Kerinci dialek Semerap berdasarkan teori fonologi autosegmental. Data diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan lapangan yang terdiri daripada pemerhatian dan temu bual dengan bantuan instrumen seperti buku catatan, borang maklum balas dan alat perakam. Informan kajian terdiri daripada 10 orang penutur Kerinci dialek Semerap berumur 50 tahun ke atas yang tinggal di Kampung Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor. Data yang diperoleh hasil daripada pemerhatian penyelidikan di lapangan telah ditranskripsi dalam bentuk ejaan, fonemik dan fonetik untuk mengenal pasti inventori fonem konsonan yang terdapat dalam bahasa Kerinci. Konsonan yang telah dikenal pasti dianalisis dengan menggunakan geometri fitur model Halle (1992) bagi merepresentasikan fitur distingtif yang dimiliki oleh setiap konsonan. Hasil kajian menunjukkan bahasa Kerinci mempunyai 18 segmen konsonan, iaitu konsonan hentian [p, b, t, d, k, g], konsonan afrikat [tʃ, dʒ], konsonan frikatif [s, h], konsonan nasal [m, n, ŋ, ŋ], konsonan likuida [l, r] dan konsonan geluncuran [w, j]. Teori fonologi autosegmental juga menunjukkan geometri fitur dapat merepresentasikan suatu set fitur distingtif setiap konsonan dalam bahasa Kerinci dalam bentuk rajah pohon atau nodus konfigurasi berhierarki. Selain itu, dapatan juga menunjukkan penyebaran fonem konsonan bahasa Kerinci yang boleh menduduki posisi onsets dan koda kata, manakala terdapat juga konsonan yang tidak dapat menduduki lingkungan tersebut disebabkan pematuhan terhadap rumus-rumus fonologi. Kajian ini diharapkan dapat memberi penilaian semula terhadap fitur distingtif konsonan bahasa Kerinci dialek Semerap berdasarkan teori fonologi autosegmental.

Kata kunci: Segmen Bunyi; Konsonan; Bahasa Kerinci; Representasi Fitur; Fonologi Autosegmental.

REPRESENTATION OF CONSONANTAL SEGMENT FEATURES IN THE KERINCI LANGUAGE BASED ON AUTOSEGMENTAL PHONOLOGY THEORY

ABSTRACT

This study aims to explain the representation of consonant segment features in the Kerinci language, Semerap dialect, based on autosegmental phonology theory. The data were obtained through library research and field methods, which consisted of observation and interviews with the assistance of instruments such as field notes, feedback forms, and audio recording devices. The informants consisted of 10 speakers of the Kerinci language, Semerap dialect, aged 50 years and above who reside in Kampung Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor. The data obtained from the researcher's field observations were transcribed into orthographic, phonemic, and phonetic forms to identify the inventory of consonant phonemes in the Kerinci language. The identified consonants were analysed using Halle's (1992) feature geometry model to represent the distinctive features possessed by each consonant. The results of the study show that the Kerinci language has 18 consonant segments, namely stop consonants [p, b, t, d, k, g], affricate consonants [tʃ, dʒ], fricative consonants [s, h], nasal consonants [m, n, ŋ, ŋ], liquid consonants [l, r], and glide consonants [w, j]. Autosegmental phonology theory also demonstrates that feature geometry can represent a set of distinctive features for each consonant in the Kerinci language in the form of a tree diagram or hierarchical node configuration. In addition, the findings show the distribution of Kerinci consonant phonemes that can occupy onset and coda positions in words, while some consonants cannot occur in these environments due to adherence to phonological rules. This study is expected to provide a reassessment of the distinctive features of consonants in the Kerinci language, Semerap dialect, based on autosegmental phonology theory.

Keywords: Sound System, Consonants, Kerinci Language, Features Representation, Autosegmental Phonology

PENGENALAN

Bahasa Kerinci berasal dari Kabupaten Kerinci, Provinsi Jambi, Sumatera Barat, Sumatera Barat, Indonesia. Pada abad ke-19 dan ke-20, masyarakat Kerinci di Indonesia telah bermigrasi ke Tanah Melayu dan menetap di Semenanjung Malaysia (Nelawarni & Nordin, 2011). Bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia berbeza dengan bahasa Kerinci di Indonesia kerana bahasa Kerinci di Malaysia sudah berasimilasi dengan bahasa dan budaya masyarakat tempatan, terutama bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Tambah Nur Farakhanna Mohd Rusli dan Adi Yasran Abdul Aziz (2025), dari sudut fonologi, bahasa Kerinci yang digunakan di Malaysia telah membentuk sistem dan struktur tersendiri yang berbeza daripada bentuk asalnya di Indonesia disebabkan proses asimilasi yang berlaku. Dibuktikan dengan kajian Nur Farakhanna Mohd Rusli dan Adi Yasran Abdul Aziz (2025), dari sudut fonologi, bahasa Kerinci yang digunakan di Malaysia telah membentuk sistem dan struktur tersendiri yang berbeza daripada bentuk asalnya di Indonesia.

Tambahan pula, penghijrahan masyarakat Kerinci ke Tanah Melayu sejak abad ke-19 telah mewujudkan satu ruang interaksi linguistik yang mempercepat proses asimilasi dan pembentukan identiti dialek Kerinci-Malaysia. Pendedahan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa dominan telah membawa kepada penyesuaian struktur fonologi, khususnya dalam sistem konsonan yang mengalami proses harmonisasi dengan ciri-ciri fonologi Melayu. Oleh itu, penerapan pendekatan fonologi autosegmental dalam makalah ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih sistematik tentang bagaimana fitur konsonan bahasa Kerinci berkembang dan berinteraksi dalam konteks dwilokasi tersebut.

Menurut Jakub Isman (1958), bahasa Kerinci mempunyai 80 jenis dialek seperti dialek Semerap, Seleman, Jujun, Pondok Tinggi, Tanjung Pauh, Rawang dan sebagainya. Setiap dialek mempunyai variasi dalam cara penyebutan. Perbezaan ini telah dijelaskan oleh Mohd Isa Farhy (1971) yang menyatakan bahawa setiap subsuku menuturkan perkataan dengan cara yang berbeza. Walau bagaimanapun, perbezaan tersebut adalah kecil kerana hanya melibatkan aspek sebutan perkataan, bukan pada penggunaan istilah, penamaan sesuatu benda, susunan ayat mahupun intonasi pertuturan.

Dari segi representasi segmen konsonan dalam bahasa Kerinci, hasil kajian sebelum ini menunjukkan perbezaan pendapat tentang jumlah segmen konsonan dalam bahasa tersebut. Amir Hakim Usman (1988) berpendapat ada 20 konsonan antaranya /y, w, l, r, h, q, p, b, m, t, d, tʃ, dʒ, s, z, n, ɲ, k, g, ŋ/. Wulandari et al. (2014) juga berpendapat ada 20 konsonan, iaitu /p, b, m, t, d, s, r, l, n, k, g, j, ŋ, tʃ, dʒ, n, ʔ, ʃ, x, h/ dan McKinnon (2011) berpendapat ada 19 konsonan antaranya /p, t, k, ʔ, b, d, g, s, h, tʃ, dʒ, m, n, ɲ, ŋ, l, r, w, j/. Bagi Mohd Isa Farhy (1971), beliau menjelaskan bahawa semua sembilan vokal yang terdapat dalam bahasa Melayu (yang menurut M. Yunus (1980) hanya ada enam vokal dalam bahasa Melayu standard dan tiga yang lain dikatakan saling menggantikan) turut terdapat dalam bahasa Kerinci. Malah, hasil kajian beliau turut menunjukkan penggunaan vokal [ʌ] dalam kata seperti [ikʌ:n] 'ikan', [taŋʌ:n] 'tangan' dan [atʌ:p] 'atap'. Selain itu, beliau tidak menjelaskan secara khusus bilangan konsonan dalam bahasa Kerinci. Namun, hasil kajiannya menunjukkan semua konsonan yang ada dalam bahasa Melayu turut terdapat dalam bahasa Kerinci tanpa membincangkan statusnya sama ada bertaraf fonem atau bukan fonem. Oleh yang demikian, makalah ini akan menghuraikan fitur-fitur distingtif yang dimiliki oleh setiap segmen konsonan bahasa Kerinci dengan menerapkan pendekatan fonologi autosegmental.

OBJEKTIF KAJIAN

Makalah ini bertujuan mencapai dua objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti representasi fitur segmen konsonan bahasa Kerinci berdasarkan geometri fitur oleh Halle (1992).
- ii. Menghuraikan penyebaran segmen konsonan bahasa Kerinci.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang bahasa Kerinci telah menunjukkan bahawa sistem fonologinya mempunyai ciri yang unik, khususnya dalam aspek segmen konsonan dan proses fonologi yang berlaku. Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2017) telah menghuraikan secara menyeluruh struktur fonologi bahasa Kerinci dengan memberi penekanan terhadap inventori bunyi, struktur suku kata serta kekangan distribusi segmen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsonan dalam bahasa Kerinci tertakluk kepada kekangan tertentu, terutamanya pada posisi koda yang sering mengalami perubahan bunyi. Kajian ini juga menegaskan bahawa interaksi antara fitur bunyi memainkan peranan penting dalam menentukan realisasi sesuatu segmen. Hal ini

memberikan asas yang kukuh dalam memahami sistem segmen konsonan bahasa Kerinci sebelum dianalisis secara lebih mendalam menggunakan pendekatan bukan linear. Oleh itu, kajian ini menjadi landasan penting kepada penyelidikan semasa dalam meneliti representasi fitur segmen konsonan berdasarkan teori fonologi autosegmental.

Selain itu, kajian oleh Nur Farakhanna Mohd Rusli (2019) meneliti secara khusus fenomena debukalisasi dan asimilasi fitur dalam bahasa Kerinci dengan menggunakan teori fonologi autosegmental. Kajian ini mendapati bahawa konsonan seperti /s, p, t, k/ mengalami perubahan kepada [h] dan [ʔ] apabila berada pada posisi koda, selaras dengan kekangan fonotaktik bahasa tersebut. Proses ini dijelaskan melalui mekanisme penyebaran dan pemutusan (*delinking*) fitur dalam geometri fitur, yang menunjukkan bahawa perubahan bunyi berlaku merentasi lapisan representasi yang berbeza. Pendekatan ini membuktikan bahawa teori fonologi autosegmental berupaya menjelaskan fenomena fonologi bahasa Kerinci secara lebih sistematik berbanding pendekatan linear. Sehubungan itu, kajian ini secara langsung menyokong keperluan untuk menganalisis representasi fitur segmen konsonan bahasa Kerinci dalam kerangka autosegmental seperti yang difokuskan dalam kajian ini.

Kajian oleh Marnita et al. (2023) yang meneliti alternasi fonologi dalam numeralia dialek Sungai Penuh bahasa Kerinci turut menyumbang kepada pemahaman tentang variasi segmen bunyi. Kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan antara bentuk absolut dan oblik yang melibatkan perubahan pada rima suku kata, termasuk segmen konsonan di posisi akhir. Perubahan ini bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor fonologi, malah turut berkait dengan fungsi morfosintaksis dalam bahasa tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa variasi dalam bahasa Kerinci melibatkan interaksi kompleks antara struktur bunyi dan fungsi bahasa. Oleh itu, fenomena alternasi ini boleh dianalisis dengan lebih mendalam melalui representasi fitur dalam teori fonologi autosegmental, khususnya dalam menjelaskan bagaimana fitur konsonan berubah mengikut konteks tertentu.

Kajian oleh Susmita et al. (2023) mengenai interferens fonologi bahasa Kerinci terhadap bahasa Indonesia memperlihatkan bagaimana sistem bunyi bahasa Kerinci mempengaruhi penghasilan bahasa lain. Kajian ini mendapati bahawa terdapat perubahan ketara pada segmen konsonan akibat pemindahan ciri fonologi daripada bahasa pertama ke bahasa kedua. Perubahan ini menunjukkan bahawa fitur konsonan bahasa Kerinci mempunyai sifat yang sistematik dan konsisten sehingga dapat mempengaruhi sistem fonologi bahasa lain. Fenomena ini juga mencerminkan bahawa fitur bunyi dalam bahasa Kerinci tersusun dalam satu sistem representasi yang tersendiri. Oleh itu, analisis menggunakan teori fonologi autosegmental adalah relevan untuk menjelaskan bagaimana fitur segmen konsonan ini direpresentasikan dan disebarkan dalam pelbagai konteks linguistik.

Secara ringkaskan, kajian-kajian lepas ini menunjukkan bahawa kajian terdahulu telah membuktikan kewujudan fenomena fonologi yang kompleks dalam bahasa Kerinci, khususnya yang melibatkan segmen konsonan seperti debukalisasi, asimilasi, dan alternasi bunyi. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan untuk menghuraikan secara lebih terperinci aspek representasi fitur segmen konsonan dalam kerangka teori fonologi autosegmental. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengisi kelompangan tersebut dengan memberi tumpuan khusus kepada perepresentasian fitur konsonan bahasa Kerinci secara bukan linear atau autosegmental, sekali gus menyumbang kepada perkembangan kajian fonologi bahasa Melayu dialek dan bahasa serumpun.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kes yang melibatkan 10 orang informan berusia 50 tahun ke atas. 10 informan ini terdiri daripada lima lelaki dan lima wanita. Jumlah ini agak kecil dan tidak mewakili

keseluruhan populasi penutur Kerinci dialek Semerap yang ada di Malaysia. Namun, Yang Liting (2025) menjelaskan bahawa jumlah sedemikian masih memadai bagi suatu kajian berbentuk eksploratori yang memberi tumpuan kepada konteks khusus, iaitu bertujuan memahami dan mengenal pasti representasi fitur segmen konsonan bahasa Kerinci berdasarkan geometri fitur dan penyebaran segmen konsonan bahasa Kerinci. Pemilihan informan dalam kalangan lima lelaki dan lima wanita ini adalah bertujuan mencapai keseimbangan gender, iaitu untuk memastikan data yang dikumpul adil, komprehensif, dan tidak berat sebelah, serta mencerminkan perspektif lelaki dan wanita secara saksama.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahasa Kerinci mempunyai lebih daripada 80 jenis dialek yang berbeza-beza antaranya dialek Semerap, Seleman, Jujun, Pondok Tinggi, Tanjung Pauh, Rawang, Lempur Danau, Sungai Penuh dan sebagainya. Untuk kajian ini, penutur bahasa Kerinci yang difokuskan ialah penutur bahasa Kerinci dialek Semerap. Oleh itu, informan yang dipilih terdiri daripada penutur Kerinci dialek Semerap yang tinggal di Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor. Dari segi lokasi kajian, Sungai Lui terbahagi kepada tiga buah kampung, iaitu Kampung Batu 20, Kampung Batu 21 dan Kampung Batu 23. Masyarakat Kerinci hanya mendiami dua buah kampung sahaja, iaitu Kampung Batu 20 dan Kampung Batu 21 manakala di Kampung Batu 23, penduduknya berketurunan Minangkabau yang menuturkan dialek Rembau. Masyarakat Kerinci di Kampung Batu 20 menggunakan bahasa Kerinci dialek Tanjung Pauh manakala masyarakat Kerinci di Kampung Batu 21 pula menggunakan bahasa Kerinci dialek Semerap, iaitu dialek yang dipilih dalam kajian ini.

Pemilihan informan dikhususkan dalam kalangan individu yang lahir di Desa Semerap, Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia yang telah lama tinggal di Malaysia, iaitu dalam jangka masa 30 tahun ke atas, serta berumur dalam lingkungan 50 tahun ke atas. Pengkhususan tersebut dilakukan bertujuan mendapatkan bahasa Kerinci yang konvensional kerana Asmah (2015) berpendapat bahawa generasi tua lebih cenderung mempertahankan bahasa asal berbanding dengan generasi muda. Beliau juga berpendapat penggunaan bahasa asal komuniti perantau boleh bertahan sekurang-kurangnya hingga generasi ketiga sahaja. Oleh sebab itu, penutur bahasa Kerinci yang berumur 49 tahun ke bawah dikecualikan daripada kajian ini, sebaliknya informan dipilih dalam kalangan penutur Kerinci daripada generasi tua yang berumur dalam lingkungan 50 tahun dan ke atas sahaja.

Terdapat tiga kaedah yang digunakan dalam proses pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan yang terdiri daripada pemerhatian dan temu bual. Kaedah kepustakaan digunakan dengan merujuk sumber bertulis berkaitan dengan skop kajian seperti buku, jurnal-jurnal, tesis dan sumber Internet yang sahih (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad, 2025). Kaedah lapangan mula menggunakan teknik pemerhatian dan temu bual, iaitu ketika bersama dengan responden bagi mendapatkan ujaran responden (Abby Rumie Anak Pandan dan Yusmilayati Yunos, 2025). Teknik pemerhatian turut serta telah digunakan dengan pengkaji pergi ke lapangan untuk melihat penggunaan bahasa Kerinci yang sebenar. Sepanjang pemerhatian dijalankan, kaedah rakaman dan catatan digunakan untuk merekod maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Bagi kaedah temu bual berstruktur, borang maklum balas digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang informan. Oleh sebab informan berusia 50 tahun ke atas yang mungkin menghadapi kesukaran untuk membaca, maka pengkaji bertanyakan soalan satu demi satu berpandukan soal selidik yang disediakan dan mencatatkan jawapan yang diberikan oleh informan. Semua item soalan yang dibina dalam borang maklum balas telah pun disemak oleh pensyarah kanan yang mempunyai kepakaran dalam bidang Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu daripada Universiti Putra Malaysia (UPM). Sungguh pun demikian, data demografi responden tidak dinyatakan dalam makalah ini memandangkan ia tidak

berkaitan dengan objektif penyelidikan.

Bagi kaedah temu bual tidak berstruktur pula, buku catatan telah digunakan untuk mencatat maklumat yang tidak diberikan informan. Sebagai contoh, terdapat kata yang tidak diujarkan informan dalam bentuk kata terbitan kerana kebanyakan kata yang diujarkan informan berbentuk kata tunggal. Oleh itu, kaedah ini digunakan dengan bertanyakan soalan untuk mengenal pasti cara sebutan yang tepat. Kajian ini tidak menyediakan daftar kata khusus untuk diujarkan oleh informan. Sebaliknya, informan diberikan kebebasan untuk bercakap antara satu sama lain.

Pada dasarnya, informan kajian ini ditemui ketika mereka berada dalam satu majlis keraian yang hampir semuanya dihadiri oleh komuniti Kerinci Semerap. Bagi mendapatkan data, informan telah pun dikenal pasti terlebih dahulu. Setelah dimaklumkan berkaitan penyelidikan secara ringkas, alat perakam akan diletakkan di hadapan informan dan semua pertuturan informan tersebut akan direkodkan. Bagi tujuan penganalisisan data, walaupun terdapat perbualan daripada individu lain, namun, hanya data yang dikemukakan oleh informan sahaja yang akan disaring dan ditranskripsikan. Ketika proses pengumpulan data ini juga, penyelidik dapat mengenal pasti pola perkataan yang digunakan informan (sama ada kata tunggal atau kata terbitan memandangkan penyelidik juga merupakan penutur bahasa Kerinci daripada generasi keenam). Daripada pola data yang diberikan, penyelidik mendapati informan banyak menggunakan kata tunggal. Pada masa inilah kaedah temu bual tidak berstruktur yang menggunakan buku catatan digunakan, iaitu dengan penyelidik bertanyakan kepada informan tentang ujaran bagi beberapa perkataan dalam bentuk kata terbitan berdasarkan kata tunggal yang telah dituturkan oleh informan.

Instrumen lain yang digunakan ialah buku catatan dan alat perakam. Buku catatan digunakan untuk merekod data temu bual manakala alat perakam digunakan untuk merekod ujaran informan. Ujaran yang direkodkan akan melalui proses transkripsi fonetik yang teliti berdasarkan pola-pola perubahan bunyi yang berlaku. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, tiada daftar kata disediakan untuk informan menuturkan perkataan. Sebaliknya, informan diberikan kebebasan untuk berkomunikasi. Hasil daripada komunikasi tersebut, data yang berkaitan dengan kajian akan disaring dan ditranskripsikan secara berpola mengikut abjad yang akhirnya membentuk daftar kata, iaitu sebanyak 300 kata seperti yang dikemukakan dalam rajah berikut:

LAMPIRAN E		
TRANSKRIPSI DATA UJARAN INFORMAN KERINCI (300 Morfem)		
Bentuk fonemik	Bentuk fonetik	Bentuk ejaan
/adik/	[a.deʔ]	'adik'
/ahli/	[ah.laj]	'ahli'
/aku/	[a.kaw]	'aku'
/alih/	[a.leh]	'alih'
/ambil/	[am.beʔ]	'ambil'
/amboj/	[am.boj]	'amboi'
/atas/	[a.teh]	'atas'
/ajam/	[a.jo:m]	'ayam'
/baik/	[ba.eʔ]	'baik'
/bakul/	[ba.kol]	'bakol'
/balas/	[ba.leh]	'balas'
/balas-an/	[ba.la.san]	'balasan'
/balik/	[ba.leʔ]	'balik'

RAJAH 1. Transkripsi Data Ujaran Informan Kerinci
 (Sumber: Nur Farakhanna Mohd Rusli, 2018:163-170)

Data yang diperoleh ini kemudiannya akan disaring mengikut kesesuaiannya dengan objektif kajian, iaitu (i) mengenal pasti representasi fitur segmen konsonan bahasa Kerinci berdasarkan geometri fitur oleh Halle (1992) dan (ii) menghuraikan penyebaran segmen konsonan bahasa Kerinci. Sebelum kedua-dua objektif tersebut dihuraikan, satu set inventori fonem konsonan bahasa Kerinci akan dihasilkan berdasarkan data yang dikumpulkan daripada informan. Menurut Norfazila Ab. Hamid (2025), penyenaian inventori fonem sesebuah bahasa merupakan salah satu aspek penting dalam kajian linguistik, khususnya dalam kajian bidang bunyi bahasa. Hal ini penting bagi membolehkan masyarakat memahami variasi bahasa, dialek, bahkan bahasa minoriti yang terdapat di Malaysia.

Setelah inventori fonem konsonan dikenal pasti, setiap fonem akan dianalisis menggunakan teori autosegmental berasaskan model geometri fitur (Halle, 1992) untuk merepresentasikan fitur-fitur yang terdapat dalam konsonan bahasa Kerinci bagi menjawab objektif pertama. Bagi Adi Yasran (2005), geometri fitur dalam pendekatan non-linear telah mengambil alih peranan matriks fitur dalam analisis linear. Geometri fitur dapat menunjukkan setiap artikulator dihubungkan dengan nodus laringal dan supralaringal. Nodus laringal mendominasi artikulator glotal dan akar lidah. Nodus supralaringal pula mendominasi nodus daerah oral yang dihubungkan dengan artikulator labial, koronal dan dorsal, manakala nasal dihubungkan terus dengan fitur kelas utama melalui langit lembut. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti hubungan hierarki antara fitur konsonan, pola penyebaran bunyi, serta struktur segmen yang tidak dapat diperhatikan melalui analisis linear konvensional. Dengan demikian, keseluruhan kaedah ini memastikan dapatan kajian adalah sah, boleh dipercayai dan menggambarkan realiti fonologi bahasa Kerinci secara lebih mendalam.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Inventori Segmen Konsonan Bahasa Kerinci

Berdasarkan data responden yang telah ditranskripsikan dan disusun mengikut pola abjad, kajian mendapati bahawa bahasa Kerinci dialek Semerap mempunyai 18 fonem konsonan. Penyenaian semua segmen konsonan tersebut direpresentasikan dalam carta inventori yang berikut:

Hentian	p	b	t	d		k	g
Afrikat					ʃ	dʒ	
Frikatif			s				h
Nasal		m				n	
Likuida				l			
				r			
Geluncuran						j	w

RAJAH 2. Inventori Fonem Konsonan Bahasa Kerinci


Data menunjukkan bahasa Kerinci mempunyai 18 segmen konsonan. Segmen konsonan tersebut terdiri daripada konsonan hentian [p, b, t, d, k, g], konsonan afrikat [ʃ, dʒ], konsonan frikatif [s, h], konsonan nasal [m, n, ŋ], konsonan likuida [l, r] dan konsonan geluncuran [w, j]. Segmen konsonan ini didapati


hampir menyerupai inventori segmen konsonan yang terdapat dalam bahasa Melayu kerana kedua-dua bahasa tergolong dalam keluarga Austronesia (Rujuk Salasilah bahasa Austronesia daripada Nik Safiah et al., 2010: 4-5). Oleh itu, kedua-duanya mewarisi sebahagian besar sistem bunyi yang hampir serupa daripada bahasa proto yang sama. Kesamaan ini menyebabkan banyak konsonan seperti /p, b, t, d, k, g, m, n, ŋ, s, h/ wujud dalam kedua-dua bahasa tanpa perubahan besar.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan variasi fonetik dan ciri-ciri unik fonem konsonan yang membentuk identiti linguistik masyarakat Kerinci. Kajian ini bukan sahaja dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keunikan bahasa Kerinci, malah dapat menyumbang kepada pemeliharaan dan pengembangan bahasa tersebut. Melalui ilmu yang diketengahkan, diharapkan kajian ini dapat memperkaya kajian linguistik di Malaysia serta meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepelbagaian bahasa yang wujud di negara ini.

Perbincangan yang berikutnya akan menghuraikan fitur distingtif yang dimiliki oleh setiap konsonan dengan menggunakan rajah geometri fitur berdasarkan kerangka teori fonologi autosegmental (Halle, 1992).

Konsonan Hentian (Letupan)







RAJAH 3. Fitur Distingtif Konsonan [p, b, t, d, k, g]

(Sumber: Roca & Johnson, 1999; Hayes, 2009; Davenport & Hannas, 1998; Halle, 1992; Zaharani Ahmad, 2007)

Terdapat tiga posisi yang berperanan dalam menghasilkan segmen letupan, iaitu dua bibir untuk menghasilkan konsonan [p] dan [b], gigi-gusi untuk konsonan [t] dan [d], dan langit lembut untuk konsonan [k] dan [g]. Konsonan [b, d, g] berfitur [+suara], manakala konsonan [p, t, k] berfitur [-suara]. Konsonan [b, d, g] dideskripsikan sebagai konsonan letupan dua bibir, gusi dan langit lembut bersuara manakala konsonan [p, t, k] adalah sebaliknya.

Konsonan Afrikat (Letusan)






RAJAH 4. Fitur Distingtif Konsonan [tʃ, dʒ]

(Sumber: Roca & Johnson, 1999; Clements & Keyser, 1983)

Representasi konsonan letusan terdiri daripada gabungan konsonan letupan dan konsonan geseran. Oleh sebab itu, konsonan [tʃ] dan [dʒ] memerlukan representasi lain untuk mendeskripsikan segmen bunyi tersebut. Menurut Van Oostendorp (2005), ‘... one timing slot cannot host more than one root node. Therefore, we have to find a different representation for complex segments’. Konsonan [tʃ] dan [dʒ] merupakan kompleks segmen kerana terdapat dua konsonan yang dihubungkan di bawah satu gatra, iaitu [t] dan [ʃ], serta [d] dan [ʒ].

Rajah menunjukkan konsonan [t] dan [d] berfitur [-kont] manakala [ʃ] dan [ʒ] berfitur [+kont]. Maka konsonan letusan [tʃ] dan [dʒ] mempunyai ciri fitur [±kont]. Perbezaan kedua-duanya ditentukan dari segi fitur [±suara], iaitu [tʃ] berfitur [-suara] manakala [dʒ] berfitur [+suara]. Menurut Roca & Johnson (1999), representasi konsonan letusan atau afrikat terdiri daripada gabungan konsonan letupan dan geseran. Pada peringkat awal penghasilannya, udara disekat di gigi-gusi langit keras untuk menghasilkan bunyi [t] dan [d]. Sekatan tersebut kemudian dilepaskan perlahan-lahan untuk menghasilkan bunyi [ʃ] dan [ʒ]. Konsonan [tʃ] dideskripsikan sebagai letusan gigi-gusi langit keras tak bersuara manakala [dʒ] sebaliknya.




RAJAH 6. Fitur Distingtif Konsonan [m, n, ɲ, ŋ]

(Sumber: Roca & Johnson, 1999; Hayes, 2009; Halle, 1992; Zaharani Ahmad, 2007)

Konsonan [m] dihasilkan di artikulator labial, konsonan [n] dan [ɲ] dihasilkan di koronal, konsonan [ŋ] pula dihasilkan di dorsal. Konsonan [m] ialah nasal dua bibir, [n] ialah nasal gusi, [ɲ] ialah nasal lelangit keras dan [ŋ] ialah nasal lelangit lembut. Setiap vokal yang mengikuti konsonan nasal akan diberi simbol penyengauan ‘~’ contohnya [ka.māj] ‘kami’.


Konsonan Sisian



RAJAH 7. Fitur Distingtif Konsonan /l/
 (Sumber: Roca & Johnson, 1999)

Konsonan [l] turut dikenali sebagai konsonan likuida. Ia dihasilkan di artikulator koronal dengan ciri [+anterior], iaitu hujung lidah dinaikkan ke belakang gigi menyebabkan udara keluar melalui bahagian sisi atau tepi lidah. Dalam inventori fonem konsonan bahasa Kerinci, konsonan [l] berbeza dengan fonem konsonan lain dari segi fitur [+lateral].


Konsonan Getaran



RAJAH 8. Fitur Distingtif Konsonan /r/
 (Sumber: Roca & Johnson, 1999)

Konsonan [r] merupakan segmen getaran gusi yang dihasilkan di artikulator koronal dengan ciri [-anterior] kerana posisi lidah ketika penghasilannya berada di kedudukan di antara gigi-gusi dengan langit keras. Udara daripada paru-paru dikeluarkan melalui titik artikulasi dan artikulator tersebut tanpa menghasilkan bunyi geseran. Dalam bahasa Kerinci, konsonan [r] berbeza dengan fonem konsonan lain dari segi fitur [+bergetar].

Konsonan Geluncuran



RAJAH 9. Fitur Distingtif Konsonan [w] dan [j]
 (Sumber: Halle, 1992)

Konsonan [w] dan [j] merupakan konsonan geluncuran yang dihasilkan di artikulator dorsal dengan ciri [+tinggi]. Perbezaan antara kedua-duanya ialah konsonan [w] juga dihasilkan di artikulator labial dengan

ciri [+bundar] berbanding dengan konsonan [j]. Selain itu, konsonan [w] mempunyai fitur [+belakang] manakala konsonan [j] adalah sebaliknya.

PENYEBARAN SEGMENT KONSENAN BAHASA KERINCI


JADUAL 1. Penyebaran Fonem Konsonan Bahasa Kerinci

Konsonan	Onset/awal			Koda /akhir		
	Bentuk fonemik	Bentuk fonetik	Bentuk ejaan	Bentuk fonemik	Bentuk fonetik	Bentuk ejaan
[p]	/pintu/	[pin.taw]	‘pintu’	–	–	–
[b]	/bapak/	[ba.pəʔ]	‘banyak’	–	–	–
[t]	/təpi/	[tə.paj]	‘tepi’	–	–	–
[d]	/dəkat/	[də.kəʔ]	‘dekat’	–	–	–
[k]	/kunjɪ/	[kun.tʃaj]	‘kunci’	–	–	–
[g]	/gulaj/	[gu.lej]	‘gulai’	–	–	–
[s]	/satu/	[sa.taw]	‘satu’	–	–	–
[h]	/hati/	[ha.taj]	‘hati’	/alih/	[a.leh]	‘alih’
[l]	/lampu/	[lam.paw]	‘lampu’	/bakul/	[ba.kol]	‘bakul’
[r]	/ramaj/	[ra.məj]	‘ramai’	–	–	–
[dʒ]	/dʒandʒi/	[dʒan.dʒaj]	‘janji’	–	–	–
[tʃ]	/tʃantik/	[tʃan.teʔ]	‘cantik’	–	–	–
[m]	/malam/	[mã.lõ:m]	‘malam’	/dalam/	[da.lõ:m]	‘dalam’
[n]	/nenek/	[nĩ.nʔ]	‘nenek’	/pinggan/	[piŋ.gõ:n]	‘pinggan’
[ŋ]	/ŋadʒi/	[ŋã.dʒaj]	‘ngaji’	/petang/	[pə.tõ:ŋ]	‘petang’
[ɲ]	/ɲamok/	[ɲã.mõʔ]	‘nyamuk’	–	–	–
[j]	/iaŋ/	[jõ:ŋ]	‘yang’	/pakai/	[pa.kej]	‘pakai’
[w]	/bauaŋ/	[ba.wõ:ŋ]	‘bawang’	/pulau/	[pu.law]	‘pulau’

Dalam bahasa Kerinci, semua konsonan boleh hadir di onset suku kata. Namun, berbeza dengan koda, terdapat segmen yang tidak dibenarkan berada di posisi tersebut disebabkan pematuhannya terhadap syarat koda suku kata. Syarat koda dikawal oleh empat rumus, iaitu debukalisasi, pengguguran /r/, nyah hubung fitur suara dan asimilasi nasal. Pertama, syarat koda bahasa Kerinci menghalang konsonan frikatif /s/ dan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ berada di koda. Kekangan ini ditangani oleh proses debukalisasi


atau nyah hubung fitur daerah yang merealisasikan konsonan /s/ sebagai segmen frikatif glotis [h] dan konsonan /p, t, k/ sebagai hentian glotis [ʔ] seperti yang diformalisasikan dalam rumus berikut:

Nyah hubung fitur daerah /s/



Berdasarkan rumus 1, konsonan /s/ tidak dibenarkan berada di koda kerana fitur daerah telah dinyahhubungkan daripada nodus akar. Konsonan /s/ kehilangan fitur daerah dan direalisasikan sebagai [h] yang merupakan segmen tanpa daerah. Adi Yasran Abdul Aziz (2007) dan O'Brien (2012) mengklasifikasikan konsonan [h] sebagai segmen bukan daerah kerana kedudukan lidah berada dalam keadaan terapung semasa penghasilannya. Oleh sebab itu, proses debukalisasi yang melibatkan konsonan /s/ turut dinamakan sebagai penyahhubungan nodus daerah kerana fitur daerah yang menghubungkannya dengan nodus akar telah dinyahhubungkan dan menyebabkan nodus akar hanya dihubungkan dengan nodus laringal yang diwakili oleh [h] (Lombardi, 2001).

Nyah hubung fitur daerah daripada /p, t, k/




Rumus 2 menunjukkan fitur daerah konsonan /p, t, k/ dinyahhubungkan daripada nodus akar. Fitur [+bundar], [+anterior] dan [+belakang] konsonan /p, t, k/ yang asalnya dihubungkan dengan fitur kelas utama melalui nodus daerah labial, dorsal dan koronal telah dinyahhubungkan. Nodus laringal pula masih berhubung dengan nodus akar menyebabkan fitur yang tinggal dalam representasi di atas ialah fitur [-suara] dan [-kontinuan] yang bertepatan dengan hentian glotis [ʔ].

Rumus 2 menunjukkan bahawa syarat koda bahasa Kerinci tidak membenarkan konsonan frikatif /s/ dan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ berada di posisi koda kata. Kekangan ini ditangani oleh proses debukalisasi yang mengenyahhubungkan fitur daerah bagi setiap konsonan lalu menyebabkannya kehilangan fitur daerah dan tidak dapat menduduki posisi koda kata.

Kedua, syarat koda bahasa Kerinci turut menghalang konsonan getaran /r/ menduduki posisi koda. Proses ini ditangani oleh rumus pengguguran getaran seperti berikut:

Rumus pengguguran /r/ – nyah hubung fitur daerah




(Sumber: Teoh Boon Seong, 1994: 43)

Berdasarkan rumus 3, nodus superordinat akar daripada konsonan /r/ telah dinyahhubungkan lalu menyebabkan hujung lidah tidak digetarkan dengan sempurna. Walaupun /r/ tidak dibenarkan hadir di akhir kata, namun ia masih berstatus fonem kerana boleh hadir di suku kata awal seperti kata [ra.měj] ‘ramai’ dan [ha.rəp] ‘harap’. Malah, konsonan /r/ juga boleh hadir di suku kata akhir, iaitu apabila morfem terikat seperti -an, per-an, per-i dan ber-an digabungkan dengan morfem bebas seperti kata /ʃabar-an/ dan /pəl+adzari/ yang diujarkan sebagai [ʃa.ba.ran] ‘cabaran’ dan [pə.la.dʒa.ri] ‘pelajari’.

Ketiga, syarat koda bahasa Kerinci tidak membenarkan konsonan letupan bersuara /b, d, g/ menduduki posisi koda. Sistem fonologi bahasa Kerinci turut menerima kemasukan kata pinjaman yang membawa butiran leksikal dan sistem fonologi bahasa sumber, terutama daripada bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Dalam proses peminjaman leksikal, sering berlaku ketidakserasian antara inventori fonologi bahasa sumber dan bahasa penerima. Oleh itu, bentuk pinjaman lazimnya mengalami penyesuaian fonologi agar mematuhi kekangan fonotaktik bahasa penerima, termasuk melalui penggantian fonem asing dengan fonem natif yang paling hampir (Mose, 2021). Proses ini juga didorong oleh kecenderungan sistem fonologi bahasa penerima untuk menyesuaikan unsur asing ke dalam pola bunyi yang sedia ada.

Dalam bahasa Kerinci, modifikasi yang berlaku menyebabkan konsonan /b, d, g/ di koda kata direalisasikan sebagai [p, t, g] seperti [ki.tap] ‘kitab’, [kat] ‘kad’ dan [beg] ‘beg’. Berdasarkan contoh, fenomena fonologi yang diperlihatkan ialah pelaksanaan rumus nyah hubung fitur [+suara] daripada konsonan letupan bersuara /b, d, g/ yang menunjukkan kekangan yang menghalang ketiga-tiga konsonan berada di koda kerana setiap satunya diganti atau disesuaikan dengan segmen [p, t, g] yang berfitur [-suara]. Proses yang berlaku diformalisasikan dalam rumus berikut:

Nyah hubung fitur [+suara] daripada /b, d, g/



Selain itu, terdapat konsonan lain yang tidak boleh hadir di koda kata asli bahasa Kerinci sebaliknya boleh hadir dalam kata pinjaman sahaja, iaitu /k, tʃ, dʒ/ dan [x] contohnya kata [kek] ‘kek’, [mãtʃ] ‘mac’, [ko.leɖʒ] ‘kolej’ dan [ta.rex] ‘tarikh’. Berbeza dengan konsonan /b, d, g/ yang digantikan dengan segmen [p, t, ʔ], konsonan /k, tʃ, dʒ/ dan [x] di koda kata tidak mengalami proses yang sama sebaliknya sebutannya dikekalkan seperti yang diujarkan dalam bahasa sumber. Oleh sebab tiada perubahan yang berlaku, maka isu tentang segmen pinjaman tidak dibincangkan kerana kajian ini bertujuan menjelaskan proses fonologi yang berlaku dengan menggunakan teori autosegmental.

Akhir sekali, syarat koda bahasa Kerinci tidak membenarkan segmen nasal /m, n, ŋ, ɲ/ berada di koda dan keadaan ini dikawal oleh pelaksanaan rumus asimilasi nasal. Segmen nasal di koda suku kata pertama perlu berhomorgan dengan bunyi obstruen tak bersuara yang berada di onset suku kata berikutnya seperti yang ditunjukkan dalam contoh berikut:


JADUAL 2. Data asimilasi nasal bahasa Kerinci

Bentuk fonemik	Bentuk fonetik	Bentuk ejaan
/məN+pakai/	[mã.kej]	‘memakai’
/məN+tulis/	[nũ.lajh]	‘menulis’
/məN+kutuk/	[ŋũ.toʔ]	‘mengutuk’
/məN+suruh/	[ɲũ.rawh]	‘menyuruh’

Konsonan /p, t, k/ dan /s/ dalam kata dasar akan direalisasikan sebagai konsonan nasal [m, n, ŋ, ɲ]. Dalam kajian ini, bentuk dasar imbuhan awalan kata kerja aktif bahasa Kerinci direpresentasikan sebagai /məN-/. Segmen N bukannya arkifonem sebaliknya merupakan segmen nasal underspesifikasi. Menurut Zaharani Ahmad (2007), nasal underspesifikasi hanya memiliki fitur [+nasal] tanpa fitur daerah oral. Segmen [+nasal] wujud di tingkat fitur dan ia tidak berhubungan dengan fonem tertentu. Oleh itu, segmen [+nasal] perlu dihubungkan dengan segmen lain agar ia boleh direalisasikan di peringkat output. Berdasarkan jadual di atas, konsonan yang bersebelahan dengannya paling sesuai dihubungkan dengan

segmen [+nasal]. Kehadiran fitur [+nasal] menyebabkan konsonan obstruen /s/ dan /p, t, k/ berubah menjadi konsonan nasal seperti yang diformalisasikan dalam rumus berikut:

Asimilasi nasal sebagai penyebaran fitur



(Sumber: Zaharani Ahmad, 2007: 168)

Menurut Zaharani Ahmad (2007), penyebaran fitur nasal berlaku dari kiri ke kanan menuju ke nodus supralaringal. Kombinasi fitur nasal dan fitur daerah oral akan menghasilkan segmen nasal yang mempunyai spesifikasi daerah yang sama. Bagi Adi Yasran Abdul Aziz (2005), /-mp-/ berkongsi fitur labial, /-nt-/ dan /-ɲf-/ berkongsi fitur koronal manakala /-ŋk-/ berkongsi fitur dorsal. Ertinya, konsonan obstruen /s/ dan /p, t, k/ telah memiliki fitur [+nasal] dalam representasi fonologi dan menyebabkannya direalisasikan sebagai [m, n, ŋ, ɲ]. Proses yang berlaku akan menghasilkan output [mã.kej] ‘memakai’, [nũ.lajh] ‘menulis’, [ŋũ.toʔ] ‘mengutuk’ dan [ɲũ.rawh] ‘menyuruh’. Bagi Pater (1996), gugusan nasal-obstruen tak bersuara tidak dibenarkan dan beliau menangani fenomena tersebut seperti yang berikut:

*N_K (Tiada nasal yang diikuti obstruen tak bersuara)

Selain itu, data juga menunjukkan pelaksanaan proses pengguguran suku kata (*syllable deletion*), iaitu pengguguran imbuhan awalan /mǝ-/ untuk menghasilkan perkataan dengan dua suku kata. Ertinya, input yang mempunyai tiga atau lebih suku kata akan direalisasikan sebagai dua suku kata. Jelas bahawa penutur Kerinci telah mengurangkan suku kata dan menjadikannya sebagai dua suku kata. Berdasarkan perbincangan, jelaslah bahawa syarat koda bahasa Kerinci menetapkan segmen nasal di koda imbuhan awalan /mǝN-/ tidak dibenarkan menduduki koda kerana ia akan berasimilasi dengan konsonan obstruen tak bersuara yang berada di onset suku kata dasar.

Berdasarkan perbincangan, terdapat 18 segmen konsonan bahasa Kerinci yang terdiri daripada konsonan [p, b, t, d, k, g, ʃ, dʒ, s, h, m, n, ŋ, ɲ, l, r, j, w]. Konsonan hentian glotis [ʔ] merupakan segmen terbitan kerana kehadirannya boleh diramal melalui proses debukalisasi yang direalisasikan daripada konsonan /p, t, k/ di koda. Bahasa Kerinci juga tidak membenarkan konsonan /s, p, t, k, r, b, d, g/ dan segmen nasal /m, n, ŋ, ɲ/ hadir di posisi koda suku kata. Bagi mematuhi syarat tersebut, maka proses debukalisasi, rumus pengguguran /r/, rumus nyah hubung fitur suara dan rumus asimilasi nasal telah dilaksanakan. Proses debukalisasi akan menyebabkan konsonan frikatif /s/ dan konsonan hentian tak bersuara /p, t, k/ kehilangan nodus daerah dan direalisasikan sebagai segmen frikatif glotis [h] dan hentian glotis [ʔ]. Konsonan /r/ dan /b, d, g/ pula tidak dibenarkan berada di koda akibat nyah hubung fitur

[+getaran] dan [+suara], manakala segmen nasal di koda suku kata pertama menghasilkan output yang berhomorgan dengan obstruen tak bersuara yang berada di onset suku kata berikutnya.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Hasil kajian lepas mengenai bahasa Kerinci menunjukkan bahawa bahasa ini telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang fonologi, khususnya dari segi pemahaman terhadap sistem bunyi bahasa-bahasa Nusantara. Walaupun terdapat pelbagai pendekatan analisis digunakan oleh pengkaji terdahulu, termasuk pendekatan non-linguistik (aliran struktural), linguistik linear, dan non-linear, namun kefahaman tentang struktur fonologi bahasa Kerinci masih terbuka untuk dikembangkan. Oleh itu, kajian semula menggunakan kerangka teori fonologi autosegmental amat diperlukan bagi memperincikan hubungan antara ciri-ciri segmental dan suprasegmental dalam bahasa tersebut.

Kajian ini penting untuk memperkukuh pengetahuan tentang sistem fonologi bahasa Kerinci serta memberi gambaran yang lebih jelas tentang perbezaannya dengan bahasa Melayu walaupun kedua-duanya berasal daripada rumpun yang sama. Penemuan yang menunjukkan wujudnya perbezaan fonologi antara penutur Kerinci di Malaysia dan Indonesia turut menegaskan bahawa variasi geografi mempengaruhi struktur bunyi sesuatu bahasa. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Kerinci wajar dikaji secara lebih mendalam kerana ia memiliki identiti linguistik tersendiri yang tidak boleh disamakan dengan bahasa Melayu standard.

Di samping itu, kajian ini turut mengetengahkan kepentingan penyelidikan terhadap bahasa daerah yang tergolong dalam kategori *minor language*. Penelitian terhadap bahasa-bahasa kecil ini perlu dipergiatkan sebelum ia mengalami asimilasi penuh dengan budaya dan bahasa majoriti, sehingga menghilangkan ciri asli dan keunikannya. Secara tidak langsung, kajian ini juga diharapkan dapat membuka ruang kepada ahli fonologi untuk meneroka pelbagai bentuk analisis sistem bunyi dan menangani fenomena fonologi dalam bahasa-bahasa minor menggunakan teori fonologi terkini agar hasil penyelidikan kekal relevan dengan perkembangan semasa dalam bidang linguistik.

Berdasarkan dapatan dan perbincangan yang dijalankan, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkaya kajian tentang bahasa Kerinci pada masa hadapan. Pertama, pengkaji seterusnya disarankan untuk meneruskan analisis fonologi menggunakan pendekatan teori autosegmental, optimaliti, atau model fonologi generatif yang lebih mutakhir bagi memberi gambaran yang lebih komprehensif tentang struktur bunyi bahasa Kerinci. Pendekatan teori baharu ini dapat membantu menjelaskan fenomena seperti perubahan vokal, variasi nada, serta perilaku konsonan yang tidak dapat dihuraikan melalui analisis linear tradisional.

Kedua, kajian perbandingan antara dialek Kerinci di Malaysia dan Indonesia perlu diperluaskan dengan melibatkan lebih banyak lokasi geografi dan kumpulan penutur yang berbeza. Usaha ini penting untuk memetakan variasi fonologi dengan lebih sistematik serta mendokumentasikan perubahan bahasa yang mungkin berlaku akibat migrasi, perkahwinan campur, atau pengaruh bahasa dominan di kawasan tertentu. Ketiga, pengkaji juga disarankan untuk menghasilkan dokumentasi deskriptif yang lebih menyeluruh seperti korpus pertuturan, kamus fonetik, atau rakaman audio berkualiti tinggi. Dokumentasi ini bukan sahaja membantu memastikan kelestarian bahasa Kerinci, malah boleh dijadikan rujukan penting bagi generasi muda dan penyelidik masa hadapan. Akhir sekali, kerjasama antara ahli linguistik, ahli komuniti, dan institusi penyelidikan wajar diperkukuh bagi menyokong usaha pemeliharaan bahasa minor. Dengan adanya sokongan sistematik, kajian tentang bahasa Kerinci dapat dijalankan secara berterusan dan memberi sumbangan yang lebih besar dalam pemahaman fonologi bahasa serumpun di wilayah Nusantara.

RUJUKAN

- Abby Rumie Anak Pandan, & Yusmilayati Yunos. 2025. Peralatan dan sajian dalam upacara Gawai Sandau Ari masyarakat Iban di daerah Pakan, Sarikei, Sarawak. *Jurnal Melayu*, 24(2), 52–70.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2005. *Aspek fonologi dialek Kelantan: Satu analisis teori optimaliti* (Tesis doktor falsafah). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2007. Syarat koda suku kata dialek Kelantan berdasarkan teori optimaliti. Dalam Adi Yasran Abdul Aziz (Ed.), *Cendekia*. Serdang: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Amir Hakim Usman. 1988. *Fonologi dan morfologi bahasa Kerinci dialek Sungai Penuh* (Disertasi doktor). Universitas Indonesia.
- Asmah Haji Omar. 2015. Kampar dalam geolinguistik dan geobudaya Melayu. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 201–218.
- Clements, G. N., & Keyser, S. J. 1983. *CV phonology: A generative theory of the syllable* (Linguistic Inquiry Monograph 9). Cambridge, MA: MIT Press.
- Davenport, M., & Hannas, S. J. 1998. *Introducing phonetics and phonology*. London: Great Britain.
- Halle, M. 1992. Phonological features. Dalam W. Bright (Ed.), *International Encyclopedia of Linguistics* (Vol. 3). New York: Oxford University Press.
- Hayes, B. 2009. *Introductory phonology*. Oxford: Wiley-Blackwell.
- Isman, J. 1958. *Kerinci phonology*. Bloomington: Indiana University.
- Lombardi, L. 2001. Why place and voice are different: Constraint-specific alternation in optimality theory. Dalam L. Lombardi (Ed.), *Segmental phonology in optimality theory: Constraints and representation*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Marnita, R., Nadra, N., Rahmi, L., & Shin, C. 2023. Phonological alternation in numerals in Sungai Penuh dialect of Kerinci. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 8(SI16), 45–50.
- McKinnon, T. A. 2011. *The morphology and morphosyntax of Kerinci word shape alternations* (Doctoral dissertation). University of Delaware.
- Mohd Isa Farhy Yassin. 1971. Sistem bunyi loghat Kerinci dan perbandingannya dengan bahasa Melayu standard. *Dewan Bahasa*, (3), 162–169.
- Mose, E. G. 2021. Phonological processes in Ekegusii borrowing: A constraint-based approach. *JL3T (Journal of Linguistics, Literature and Language Teaching)*, 7(2), 83–100.
- Nelmawarni, & Nordin. 2011. Merantau ke Kuala Lumpur: Tradisi merantau dan berdagang masyarakat Minang. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space*, 7(Special Issue), 116–131.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. 2010. *Tatabahasa Dewan* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norfazila Ab. Hamid. 2025. Inventori fonem varian Melanau Kanowit Sarawak. *Jurnal Melayu*, 24(1), 22–38.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2007. *Asas fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2017. *Fonologi bahasa Kerinci berdasarkan teori fonologi autosegmental* (Tesis sarjana). Universiti Putra Malaysia.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. 2019. Debukalisasi dan asimilasi fitur dalam bahasa Kerinci: Analisis teori autosegmental. *PENDETA*, 10, 134–150.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli, & Adi Yasran Abdul Aziz. 2025. Kajian kes tentang bahasa Kerinci dialek Semerap di Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Melayu*, 24(2), 155–175.

- O'Brien, J. 2012. *An experimental approach to debuccalisation and supplementary gestures* (Doctoral dissertation). University of California, Santa Cruz.
- Pater, J. 1996. Austronesian nasal substitution and other NÇ effects. Dalam R. Kager, H. van der Hulst, & W. Zonneveld (Eds.), *The prosody morphology interface*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Susmita, N., Ramadhan, S., Mukhaiyar, M., & Wahyuni, S. 2023. Kerinci language phonological interferences in Indonesian. *Indonesian Research Journal in Education*, 7(2), 395–406.
- Teoh, B. S. 1994. *The sound system of Malay revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob, & Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad. 2025. Nilai-nilai luhur dalam cerita jenaka masyarakat Melayu: Satu penelitian kemasyarakatan. *Jurnal Melayu*, 24(2), 24–38.
- Van Oostendorp, M. 2005. Feature geometry. <https://pdfs.semanticscholar.org/2c10/f4441b654204c12d9e4a77088838aaafc667.pdf>
- Voorhoeve, P. 1970. Kerintji documents. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 126(4), 369–399.
- Wulandari, et al. 2014. Fonologi bahasa Kerinci di Desa Tanjung Pauh Mudik Kecamatan Keliling Danau Kabupaten Kerinci Provinsi Jambi. *Beranda*, 3(7), 1–10.
- Yang, L. 2025. Minat dan cabaran pelajar sekolah swasta dalam pembelajaran KOMSAS. *Jurnal Melayu*, 24(2), 1–23.
- Yunus Maris. 1980. *The Malay sound system*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zaharani Ahmad. 2007. Proses asimilasi dalam bahasa Bisaya: Analisis fonologi autosegmental. *Jurnal Bahasa*, 7(1), 159–180.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz, Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin, Prof. Madya Dr. Mohd. Sharifudin bin Yusop, dan Profesor Dr. Zaharani bin Ahmad yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar berterusan sepanjang penyelidikan dijalankan ketika saya menyambung pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD) yang lalu. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada masyarakat Kerinci di Desa Semerap, Kecamatan Keliling Danau, Kabupaten Kerinci, Jambi dan Padang, Sumatera Barat Indonesia yang membantu menelusuri sejarah dan asal usul bangsa dan bahasa Kerinci. Terima kasih kepada semua informan yang terdiri daripada penduduk Kampung Batu 21 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses pengumpulan data dijalankan.

Biodata Penulis

Nur Farahkhanna binti Mohd Rusli (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Bidang Pengkhususan beliau ialah Linguistik Melayu, dan Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu.

Adi Yasran Bin Abdul Aziz (PhD) merupakan pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah Linguistik Melayu, khususnya Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Sistem Tulisan Jawi.